

NO. SOALAN: 215

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

RUJUKAN : 8022

SOALAN:

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan menyatakan semua lokasi yang telah dan akan diwartakan sebagai kawasan-kawasan perhimpunan aman di bawah Akta Perhimpunan Aman 2012.

JAWAPAN:

Pada masa ini Kementerian Dalam Negeri telah menerima cadangan dari beberapa buah Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) termasuk orang perseorangan untuk membolehkan lokasi atau premis yang dimiliki diwartakan sebagai tempat perhimpunan yang ditetapkan di bawah seksyen 25 Akta Perhimpunan Aman (APA) 2012. Pewartaan tempat berhimpun di bawah APA 2012 adalah satu proses yang rumit kerana melibatkan beberapa pihak seperti pemilik lokasi atau premis, pihak berkuasa tempatan, penentuan kaedah ukuran lokasi atau premis yang perlu menepati pelan asal, penetapan syarat-syarat yang ditentukan oleh pemilik perlu didapati wajar dan sesuai dengan keperluan pewartaan serta beberapa aspek melibatkan kawalan dan keselamatan sekitar. Setakat ini masih belum ada lokasi atau premis yang diwarta sebagai tempat berhimpun yang ditetapkan di bawah APA 2012.

KDN dan Pejabat Peguam Negara sedang meneliti dan memperhalusi proses pewartaan bagi memastikan hak dan kepentingan pemilik lokasi atau premis serta orang ramai yang bakal menggunakan lokasi atau premis serta orang ramai yang bakal menggunakan lokasi berkenaan terjamin sebelum lokasi berkenaan boleh diwartakan sebagai tempat yang dibenarkan untuk berhimpun di bawah APA 2012.